

SUPERIORITI RAKYAT DALAM LELUCON CERITA ABU NAWAS ASAL DAN CERITA ABU NAWAS VERSI SABAH

(The Folk Superiority in the Humour of the Original and Sabah Version of Abu Nawas Tales)

Low Kok On
lowkokon@ums.edu.my

Unit Penyelidikan Warisan Borneo,
Sekolah Pengajian Seni,
Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.

Abstrak

Makalah ini menganalisis unsur superioriti rakyat yang terkandung dalam lelucon cerita Abu Nawas asal dan cerita Abu Nawas versi Sabah berasaskan Teori Superioriti. Makalah ini juga menjejaki sejarah penyebaran cerita Abu Nawas ke Sabah. Cerita Abu Nawas dikategorikan oleh pengkaji sastera rakyat sebagai cerita jenaka yang berasal dari Arab-Parsi. Penyebaran cerita Abu Nawas ke alam Melayu berkait rapat dengan penyebaran agama Islam ke rantau ini sejak dari kurun ke-15. Bahan kajian ini dikumpulkan menerusi kerja lapangan di beberapa buah daerah di Sabah. Cerita Abu Nawas ini didapati popular dituturkan dalam kalangan peribumi Sabah yang beragama Islam, seperti orang Melayu Brunei, Bajau, dan Suluk serta dalam kalangan peribumi Sabah bukan Islam, seperti etnik Kimaragang, Rungus dan Murut. Perasaan superioriti rakyat yang tersirat dalam lelucon cerita Abu Nawas ditimbulkan kepada umum.

Kata kunci: Abu Nawas, cerita jenaka, Teori Superioriti, superioriti rakyat

Abstract

The focus of this paper is to analyze the elements of folk superiority in both versions of Abu Nawas tales based on the Theory of Superiority. This study also attempts to track the spreads of Abu Nawas tales to Sabah. The tales of Abu Nawas are categorised as humorous tales from Arab and Persia amongst the folk-literature

scholars of Malaysia. The spreads of Abu Nawas tales from Arab, Persia or India to the Malay Archipelago are closely linked to the spreads of Islam to this region in the 15th century. Drawing from field trips to collect folk tales in various districts of Sabah, it was noted that Abu Nawas tales are not only popular among the Muslim natives of Sabah like the Bruneian, Bajau and Suluk but also among the non Muslim natives of Sabah, like the Kimaragang, Rungus and Murut ethnic groups. However, In doing so, the feeling of folk superiority that was hidden in the humour of Abu Nawas tales will be revealed to the readers.

Keywords: Abu Nawas, humorous tales, Theory of Superiority, folk superiority

PENDAHULUAN

Cerita Abu Nawas dikategorikan sebagai cerita jenaka yang berasal dari Arab-Parsi (Winstedt, 1920b: 119; Emeis, 1949: 164; Aripin Said, 1996: 60 dan Mohd Taib Osman, 2006: 2). Cerita rakyat dikategorikan sebagai cerita jenaka apabila cerita berkenaan mengandungi unsur lelucon yang dapat menimbulkan rasa geli hati kepada pendengarnya (Mohd Taib Osman, 2007: xiv). Unsur lelucon yang disebut oleh Mohd. Taib Osman (2007) merujuk sesuatu yang dipandang lucu kerana terdapat unsur kejenakaan, yang mempunyai erti yang hampir sama dengan *humour* dalam bahasa Inggeris. Istilah *humour* dalam bahasa Inggeris bermaksud sesuatu yang menggelikan hati, menghiburkan dan membuat orang ketawa (*Oxford Advance Learner's Dictionary*, 2000: 586).

Dalam kerja lapangan yang dijalankan cerita rakyat dikumpulkan dari beberapa lokasi terpilih di Sabah. Abu Nawas merupakan antara cerita rakyat yang dibekalkan oleh informan peribumi Sabah di tempat kajian. Penemuan cerita Abu Nawas yang tersebar secara lisan dalam kalangan penduduk peribumi Sabah ini menimbulkan persoalan. Bilakah cerita Abu Nawas asal tersebar ke Sabah? Oleh sebab bahan kajian ini, iaitu cerita Abu Nawas asal dan cerita Abu Nawas versi Sabah tergolong sebagai cerita jenaka, maka isu yang berkait dengan unsur lelucon dikupas agar mesej tersirat yang terkandung dalam kerangka leluconnya ditonjolkan kepada umum.

Cerita Abu Nawas asal diterbitkan dalam *Hikayat Abu Nawas* (1966) dan cerita Abu Nawas versi Sabah didapati mempunyai satu motif utama yang sama, iaitu Abu Nawas menggunakan kebijaksanaannya untuk mengalahkan atau memperdayakan pihak yang lebih berkuasa, khususnya Sultan dan pembesar Sultan. Memandangkan cerita yang sedemikian membabitkan penentangan antara dua kuasa, iaitu Abu Nawas sebagai rakyat jelata dan Sultan sebagai pemerintah yang berkuasa, maka motif cerita yang membabitkan penentangan kuasa antara “yang lemah” dengan “yang kuat” penting untuk dikupas. Dengan berbuat demikian, punca yang menimbulkan

kelucuan, serta makna tersirat yang terkandung dalam kerangka lelucon cerita Abu Nawas dapat didalami dan fahami.

SEJARAH PENYEBARAN CERITA ABU NAWAS KE ALAM MELAYU

Sebelum unsur superioriti lelucon dalam cerita Abu Nawas asal dan versi Sabah dikupas, sejarah penyebaran cerita Abu Nawas ke Alam Melayu, termasuk Sabah dijejaki terlebih dahulu. Winstedt (1920b:119) dalam tulisannya melaporkan bahawa kisah Abu Nawas tersebar ke Alam Melayu melalui cerita *Hikayat Seribu Satu Malam (Arabian Nights)*. Wan Shamsuddin (1966:2) mencatatkan bahawa cerita lucu Abu Nawas banyak termuat dalam *Hikayat Seribu Satu Malam* yang telah diterbitkan di Kaherah pada tahun 1865. Emeis (1973:5) seorang lagi pengkaji kesusasteraan lama Melayu melaporkan bahawa *Hikayat Seribu Satu Malam* adalah antara karya kesusasteraan lama yang popular dibaca dan dituturkan oleh pedagang yang terkumpul di Melaka (kurun ke-15). Cerita Abu Nawas menjadi bahan hiburan sementara menunggu masa untuk pulang ke negara asal mereka. Sayang sekali, Winstedt (1920b), Wan Shamsuddin (1966) dan Emeis (1973) tidak memberikan huraian lanjut berkenaan peranan *Hikayat Seribu Satu Malam* dalam penyebaran cerita Abu Nawas ke alam Melayu. Yang dapat dikatakan di sini ialah cerita Abu Nawas telah diabadikan ke dalam *Hikayat Seribu Satu Malam* yang tersohor sebagai sebuah karya Islam klasik pada peringkat antarabangsa. Jika apa yang dicatatkan oleh Emeis (1973:5) itu benar, maka kita dapat andaikan di sini bahawa cerita Abu Nawas yang terkandung dalam *Hikayat Seribu Satu Malam* turut tersebar dalam kalangan penduduk tempatan di Alam Melayu ketika mereka bertemu dengan saudagar Islam di pelabuhan Melaka pada kurun yang ke-15.

Dalam kajian kepustakaan yang dilakukan, didapati bahan penerbitan Abu Nawas yang terawal di Alam Melayu ialah *Hikayat Abu Nawas*. Winstedt (1920a:15) sendiri telah melaporkan bahawa beliau telah menemui dua versi manuskrip *Hikayat Abu Nawas* di Singapura. Kedua-dua versi *Hikayat Abu Nawas* ini didapati sama dari segi tema tetapi berbeza sedikit dari segi plot ceritanya. Dalam *Ensiklopedia Indonesia Jilid I* tercatat bahawa *Hikayat Abu Nawas* versi Melayu telah diterbitkan di Singapura pada tahun Hijrah 1336 (Wan Shamsuddin, 1966:2).

Di Indonesia, cerita Abu Nawas telah disiarkan secara berturut-turut dalam majalah *Seri Pustaka*, yang diterbitkan oleh Balai Pustaka sejak tahun 1922. Menurut Wan Shamsuddin (1966:2), cerita Abu Nawas yang diterbitkan itu diterjemahkan daripada naskah Arab milik Yayasan Lembaga Kebudayaan Indonesia. Pada tahun 1928, himpunan cerita Abu Nawas telah diterbitkan dalam bentuk buku oleh Nur Sutan Iskandar di Indonesia. Wan Shamsuddin (1966:2) semasa membandingkan

Hikayat Abu Nawas versi Melayu yang diterbitkan di Singapura dan Indonesia melaporkan bahawa naskhah Abu Nawas yang diterbitkan di Singapura mengandungi dua belas buah cerita sahaja berbanding dengan versi cerita Abu Nawas di Indonesia yang mengandungi dua puluh buah cerita. Terdapat beberapa buah cerita Abu Nawas dalam naskah Singapura yang tidak terdapat dalam naskah yang diterbitkan di Indonesia. Berdasarkan penerbitan awal himpunan cerita Abu Nawas ini dapat dirumuskan bahawa bahan ini diterjemah terus daripada naskah cerita Abu Nawas daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.

Aripin Said (1996:60) semasa membicarakan cerita jenaka pengaruh Arab-Parsi melaporkan bahawa pengaruh cerita jenaka dari Arab-Parsi dapat ditentukan setelah masyarakat Melayu memeluk agama Islam. Kedua, cerita sedemikian bukan sahaja dikembangkan melalui tulisan Jawi malah berkemungkinan disebabkan adanya perkahwinan campur antara orang Arab dengan orang tempatan. Aripin Said (1996) tidak memberikan penjelasan lanjut sama ada cerita dari Arab-Parsi itu disebarkan secara lisan atau pun melalui naskhah bertulis setelah terbentuknya komuniti kahwin campur Arab-Melayu.

Mohd Taib Osman (2006:1) menyatakan bahawa pada penghujung abad 19 dan awal 20, *Hikayat Abu Nawas* diterbitkan dengan cetak batu (litograf) beberapa kali, termasuk oleh percetakan Cina Peranakan. Kini, naskhah cetakan itu tersimpan di perpustakaan seperti British Library di London, School of Oriental and African Studies, University of London, Koninklijk Instituut Voor Taal-Landen Volkenkunde (Lieden, Holland), dan National Library of Singapore. Di Malaysia, terdapat senaskah *Hikayat Abu Nawas* dalam bentuk manuskrip asal yang di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia. *Hikayat Abu Nawas* yang terdapat dalam simpanan di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia merupakan manuskrip asal dan bukanlah naskah yang dilitograf seperti yang telah berlaku pada era penghujung zaman Kesusasteraan Melayu klasik pada penghujung abad 19 (Mohd Taib Osman, 2006:1-2).

Di sebelah Borneo pula, tidak ditemui pengkaji Barat atau pengkaji tempatan yang membicarakan manuskrip awal yang berkait dengan kisah Abu Nawas seperti *Hikayat Seribu Satu Malam* dan *Hikayat Abu Nawas*. Rata-rata pengkaji cerita rakyat seperti Winstedt (1939), Wan Shamsuddin (1966), Emeis (1973), Aripin Said (1996) dan banyak lagi pengkaji lain bersetuju bahawa secara logiknya, cerita Abu Nawas disebarkan di Alam Melayu sejajar dengan kedatangan Islam ke rantau ini. Negara Brunei Darussalam telah menjadi sebuah Negara Islam sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad (1363-1402) (Wathiqah Amirah, 2011:18). Dengan kata lain, dapat diandaikan bahawa sejak pemerintahan Kesultanan Melayu Islam di Negara

Brunei Darussalam, cerita Abu Nawas bersama-sama dengan genre kesusasteraan Islam lain turut disebarkan kepada penduduk tempatan di Negara Brunei Darussalam.

Menurut catatan Muzium Sabah (1992: 7), negeri Sabah dan Sarawak berpusat di bawah kerajaan Brunei sejak dari kurun ke-6 lagi. Sabah pada asalnya sebahagian daripada wilayah Kesultanan Melayu Brunei sebelum negeri ini dipajakkan kepada pihak Inggeris pada kurun ke-19 kerana Sultan Brunei mengalami masalah kewangan yang kritikal pada masa itu (Awang Mohd Jamil Al Sufri, 1997: 49). Berdasarkan fakta sejarah ini, besar kemungkinan cerita Abu Nawas telah disebarkan kepada penduduk peribumi Sabah lain melalui orang Melayu Brunei. Hal ini disebabkan orang Melayu Brunei merupakan antara penduduk peribumi Sabah, yang telah memeluk Islam sejak kurun yang ke-15 lagi. Interaksi antara etnik peribumi Sabah lain sama ada melalui aktiviti perniagaan atau pergaulan sosial menyebarkan cerita Abu Nawas kepada kumpulan etnik peribumi yang lain, seperti orang Kadazan dusun, Murut dan kumpulan etnik lain. Selain orang Melayu Brunei, orang Bajau, Suluk, Bugis dan peribumi Sabah lain yang beragama Islam turut berperanan menyebarkan cerita Abu Nawas kepada penduduk peribumi bukan Islam lain. Adalah sukar bagi kita mencari bukti bertulis dalam hal ini kerana cerita Abu Nawas tersebar secara lisan. Informan pada masa sekarang yang ditemu bual memberitahu bahawa mereka memperoleh cerita Abu Nawas daripada datuk atau nenek mereka. Mereka tidak diberitahu siapakah yang menyebarkan cerita Abu Nawas kepada datuk dan nenek mereka. Jadi dari segi logiknya, kita dapat katakan bahawa cerita Abu Nawas telah diperkenalkan kepada penduduk peribumi Sabah yang beragama Islam seperti orang Melayu Brunei, Bajau, Suluk dan Bugis terlebih dahulu. Kemudian, mereka ini telah menceritakan kisah Abu Nawas kepada rakan mereka, iaitu etnik peribumi Sabah bukan Islam. Cerita Abu Nawas yang diperoleh dalam kajian ini diceritakan oleh pelbagai kumpulan etnik peribumi Sabah seperti dalam Jadual 2.

SUMBER CERITA ABU NAWAS ASAL DAN CERITA ABU NAWAS VERSI SABAH

Sumber cerita Abu Nawas dalam *Hikayat Abu Nawas (HAN)* dianggap pengkaji sebagai karya sastera bercorak Islam yang telah disebarkan ke Alam Melayu sejajar dengan kedatangan Islam ke rantau ini sejak kurun yang ke-13 atau kurun yang ke-14 (Wan Shamsuddin, 1966:1). Karya ini merupakan buku cerita bercorak Islam tua yang terkenal di Alam Melayu. Sebahagian daripada ceritanya terdapat dalam *HAN* telah dimuatkan ke dalam buku bacaan di sekolah Melayu pada masa dahulu. *HAN* telah diulang cetak sebanyak 13 kali sejak dari 1929 hingga 1968, menunjukkan betapa popularnya karya ini dalam kalangan masyarakat Melayu di rantau ini (Shaiful

Bahri, 2000:12). Tajuk rangkaian cerita yang termuat dalam *Hikayat Abu Nawas* (1966) yang digunakan dalam tulisan ini disenaraikan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Senarai kandungan rangkaian cerita Abu Nawas dalam *Hikayat Abu Nawas* (1966)

Bil.	Tajuk
1	Abu Nawas Memegang Wasiat Bapa-nya
2	Abu Nawas Memecahkan Rumah Kadhi
3	Enam Ekor Lembu Yang Pandai Berkata ²
4	Abu Nawas Menjual Sultan Harun al-Rashid
5	Abu Nawas Membuat Ilmu Hikmat
6	Abu Nawas Sakit Hendak Bersalin
7	Abu Nawas Mendukong Ibu-nya Ka-istana
8	Abu Nawas Menjadi Ayam Jantan
9	Kuah Di-balas Dengan Isi
10	Abu Nawas Akan Di-sembeleh
11	Abu Nawas Dengan Lumpang Batu
12	Abu Nawas Menjadi Raja Sa-sa'at Saja
13	Kesah Sa-orang Saudagar Dengan Nazar-nya
14	Kesah Orang Miskin Dengan Kolam Dingin
15	Abu Nawas Mengajar Lembu Mengaji Qur'an
16	Kesah Sa-orang Menteri Yang Zalim
17	Abu Nawas Dengan Orang Yahudi
18	Harun Al-Rashid Di-tampar Orang Yahudi
19	Abu Nawas Mencari Harimau Berjanggut
20	Abu Nawas Dengan Kadhi
21	Abu Nawas Mengangkat Masjid

Dalam Jadual 2 disenaraikan tajuk cerita Abu Nawas versi Sabah yang terkumpul daripada kerja lapangan. Tajuk cerita yang tersenarai dalam Jadual 2 berdasarkan kandungan cerita Abu Nawas yang diperoleh daripada kerja lapangan. Informan hanya menyampaikan cerita tanpa menyebut tajuknya. Kebanyakan cerita Abu Nawas disampaikan dalam bahasa Melayu aksen Sabah. Beberapa buah cerita yang disampaikan dalam bahasa etnik peribumi telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh penterjemah yang faham kedua-dua bahasa. Yang berikut disenaraikan tajuk cerita Abu Nawas yang diperoleh daripada kerja lapangan.

Jadual 2: Senarai kandungan siri cerita Abu Nawas versi Sabah

Bil.	Tajuk	Catatan
1	Abu Nawas Pungut Bahan Buangan Raja	Informan: Somorong binti Tawakok, 80 Tahun, Dusun Kimaragang, bekas petani, Pekan Tandek, Kota Marudu, 12 Mei 2011
2	Abu Nawas Pinjam Kerbau	Informan: Jonan bin Gaul, 52 tahun, Etnik Kimaragang, Ketua Anak Negeri Dusun, Daerah Kota Marudu, 13 Mei 2011.
3	Abu Nawas Berlaga Ayam dengan Raja	Informan: Jonan bin Gaul
4	Abu Nawas Beli Tiang	Informan: Jonan bin Gaul
5	Abu Nawas dapat Buah-buahan dari Kebun Raja	Informan: Jonan bin Gaul
6	Abu Nawas 1 dan Abu Nawas 2	Informan: Sundadong Yali, 75 tahun, etnik Rungus, Petani, Kampung Mompilis, Kudat, 10 Oktober 2011
7	Abu Nawas Buat Tandas di Hulu Sungai	Informan: Haji Pangeran Abd. Rahman Hj. Pangeran Ali, 75 Tahun, Melayu Brunei, Pesara Kerajaan, Kampung Padang, Bogawan, Papar, 11 November 2012
8	Abu Nawas Buat <i>Ajung</i>	Informan: Awang bin Haris, 67 tahun, Bajau, Kampung Sungai Atas, Kunak, 6 Februari 2012
9	Abu Nawas Menipu Permaisuri Raja	Informan: Mojudin Gambus, 58 tahun, etnik Kimaragang, Penanam padi bukit, Kampung Togudon, Kota Marudu, 11 Mei 2011
10	Abu Nawas Menjadi Ayam Jantan	Informan: Datuk Halun, 57 Tahun, suku Suluk, pesara, Kampung Pangkalan, Kunak, 6 Februari 2012
11	Abu Nawas Dibuang Negeri	Informan: Datuk Halun

Memandangkan terdapat sejumlah 21 cerita dalam HAN dan sebelas lagi cerita Abu Nawas versi Sabah maka sinopsis untuk semua cerita Abu Nawas dalam Jadual 1 dan Jadual 2 tidak diberikan. Mana-mana cerita dalam Jadual 1 dan Jadual 2 yang digunakan dalam bahagian analisis akan diberikan sinopsis. Beberapa teks verbatim hasil kerja lapangan disertakan dalam Lampiran 1.

KEWAJARAN PEMILIHAN TEORI SUPERIORITI: SATU PENJELASAN

Dalam bidang kajian humor, Teori Superioriti merupakan salah satu teori yang popular. Prinsip superioriti yang menyebabkan timbulnya unsur lelucon telah disebut oleh ahli falsafah Yunani awal seperti Plato dan Aristotle lagi (*Internet Encyclopedia of Philosophy*, <http://www.iep.utm.edu/humor>). Namun demikian, Thomas Hobbes (1651) ialah pengkaji humor yang mengembangkan Teori Superioriti. Secara prinsipnya, Hobbes menyatakan bahawa punca utama timbulnya humor ialah disebabkan unsur “kemenangan secara tiba-tiba” (*sudden glory*) yang dialami seseorang. Teori Superioriti Hobbes yang berpaksikan “kemenangan secara tiba-tiba” turut disokong oleh beberapa orang pengkaji terkemudian seperti Hartley (1759), Priestly (1777) dan banyak lagi pengkaji humor terkemudian (Keith-Spiegel 1972, 9). Pada dasarnya, orang yang merasakan “kemenangan secara tiba-tiba” turut akan membandingkan unsur kelemahan yang diperhatikannya dengan keunggulan dirinya sendiri. Dalam pengertian yang lebih mudah, kekurangan orang lain akan menyebabkan seseorang merasakan diri lebih superior justeru menyebabkan timbulnya rasa lucu pada dirinya (Piddington, 1963:15; Boston, 1974:29 dan Pollio, 1983:224).

Walaupun teori ini diasaskan pada zaman yang awal dan dianggap klasik, namun teori ini tidak lapuk dan masih mendapat perhatian dan diaplikasikan oleh pengkaji sastera rakyat pada zaman moden. Robert Solomon (2002) sebagai contoh telah mengulas semula Teori Superioriti dan menawarkan Teori Inferioriti bagi menjelaskan punca timbulnya sesuatu humor. Solomon (2002) berpendapat bahawa bukan semua humor tercetus disebabkan tertimbulnya “rasa superior” pada diri seseorang. Kejadian seperti seseorang menemui bola bowlingnya dalam peti sejuk merupakan satu contoh kejadian yang lucu namun punca kelucuan seperti ini tidak mengandungi unsur superioriti (*Internet Encyclopedia of Philosophy*, <http://www.iep.utm.edu/humor/>). Teori Inferioriti Solomon (2002) tidak akan dibincangkan dengan lanjut kerana teori ini tidak berkaitan dengan fokus tulisan ini.

Noriah Taslim (2003) di satu pihak yang lain telah mengaplikasikan Teori Superioriti dalam mengupas cerita Pak Pandir bagi menonjolkan “rasa superior” dalam kalangan kaum lelaki terhadap kaum wanita. Noriah Taslim (2003:5) mendapati kelemahan Pak Pandir dalam menguasai hidupnya sebagai lelaki dan suami memberi rasa superior kepada lelaki atau suami lain. Kemenangan yang demikian sungguhpun berlandaskan moral yang rendah namun mudah diterima sebagai sebahagian daripada sifat persaingan yang ada pada lelaki yang memiliki keegoan yang tinggi. Melalui analisisnya yang berkaitan dengan unsur superioriti, tulisan Noriah Taslim (2003) ini telah menonjolkan isu feminisme yang terkandung

dalam cerita jenaka Melayu. Seterusnya, Noriah Mohamed (2007:268) dalam tulisannya telah menurunkan plot “Raja dipermainkan” dan kemudian dibunuh oleh Si Luncai sebagai elemen kemenangan. Dapatan analisis Noriah Mohamed (2007) seperti ini turut menonjolkan unsur superioriti yang menyebabkan pembaca berasa lucu dan tertawa. Berdasarkan kedua-dua kupasan kajian ini, jelas bahawa Teori Superioriti, yang pada dasarnya digunakan bagi mengupas unsur superioriti yang terkandung dalam cerita jenaka masih relevan sehingga masa ini.

Dalam konteks tulisan ini, Teori Superioriti yang pada prinsipnya menonjolkan “rasa superior” yang ada pada seseorang dianggap sesuai untuk mendalami maksud tersirat yang terkandung dalam lelucon cerita Abu Nawas. Cerita Abu Nawas asal dan cerita Abu Nawas versi Sabah merupakan cerita jenaka yang terkandung unsur kelucuan. Kebanyakan motif cerita Abu Nawas pula berkisar pada penentangan Abu Nawas (mewakili pihak rakyat) terhadap Sultan atau menteri (mewakili pihak atasan) yang lebih berkuasa dalam bentuk lelucon. Cerita jenaka sebegini jelas menonjolkan unsur penentangan antara dua pihak, maka timbulnya soalan siapakah yang lebih “superior”? Oleh hal yang demikian, Teori Superioriti didapati sesuai digunakan dalam konteks kajian ini berbanding dengan teori humor lain yang mengupas humor dalam perspektif yang tidak membabitkan penentangan kuasa antara “yang kuat” dengan “yang lemah”.

SUPERIORITI RAKYAT DALAM CERITA ABU NAWAS ASAL

Perbincangan seterusnya akan tertumpu kepada unsur “superioriti” yang melibatkan unsur “kemenangan secara tiba-tiba” yang tertonjol dalam cerita Abu Nawas. Bahan kajian yang digunakan merupakan beberapa buah cerita Abu Nawas terpilih dalam *Hikayat Abu Nawas* (1966), diikuti dengan cerita Abu Nawas versi Sabah yang diperoleh daripada kerja lapangan. Jika diamati, cerita Abu Nawas yang terkandung dalam *Hikayat Abu Nawas* (1966) boleh dikategorikan kepada empat kategori yang besar, iaitu (1) Abu Nawas memperdayakan Sultan; (2) Abu Nawas menyelesaikan kemusykilan yang dikemukakan oleh Sultan; (3) Abu Nawas menjawab pertanyaan orang lain yang bukan-bukan, dan (4) Abu Nawas membantu orang yang dianiaya. Memandangkan terdapat sejumlah dua puluh satu buah rangkaian cerita yang terkandung dalam *Hikayat Abu Nawas* (1966), memadai sekadar beberapa buah cerita dalam setiap kategori cerita sahaja yang dipilih untuk tujuan analisis dalam tulisan ini.

Dalam seluruh *Hikayat Abu Nawas* (HAN), acap kali Sultan Harun al-Rashid diperdayakan oleh Abu Nawas. Terdapat rangkaian cerita berkenaan Sultan telah terpedaya oleh Abu Nawas seperti Sultan dibawa kepada tukang masak bubur

berketurunan Badwi dan hampir dijadikan ramuan masak bubur; Sultan dijual kepada orang Badwi dan Sultan dibawa ke rumah orang Yahudi dan kemudiannya ditampar oleh orang Yahudi. Dalam konteks ketiga-tiga cerita yang tersebut di atas, Abu Nawas yang terlebih dahulu menjadi mangsa kepada keadaan yang tidak betul. Bagi mengatasinya dia menggunakan tipu helah, yang menyebabkan Sultan sendiri mengalami keadaan yang sama, dan mendapat kesedaran untuk membetulkan keadaan tersebut.

Dalam siri cerita Sultan diperdaya dan dibawa kepada tukang masak bubur Badwi bagi menggantikan tempat Abu Nawas, yang sebelum itu telah ditangkap dan hampir dijadikan bahan masak bubur (*HAN*: 49-55), beberapa peristiwa dalam cerita ini yang menonjolkan unsur superioriti dapat dikenal pasti.

Sinopsis ceritanya begini: Abu Nawas ditangkap dan nyaris-nyaris dibunuh oleh tukang masak bubur Badwi. Dengan kecerdikannya Abu Nawas memberitahu mereka bahawa badannya kurus dan isinya tidak banyak untuk dijadikan bahan masak bubur. Abu Nawas berjanji bahawa jika ia dilepaskan, ia akan membawa seorang lagi yang lebih gemuk, yang bertimbun-timbun dagingnya dan dapat dimakan selama lima hari untuk menggantikan tempatnya. Dengan kepintaran Abu Nawas berkata-kata maka orang Badwi pun melepaskannya. Setelah selamat sampai di rumah, diceritakan Abu Nawas pun memikirkan bahawa Sultan sebagai seorang pemerintah tidak mengambil tahu tentang perkara buruk yang berlaku di negeri yang diperintahnya. Oleh itu, ada baiknya dibawa Sultan sebagai penggantinya kepada tukang masak bubur Badwi bagi menyedarkan baginda. Lalu Abu Nawas pun menghadap Sultan Harun al-Rashid dan menanyakan sama ada baginda berminat menonton satu permainan istimewa yang dimainkan oleh ramai orang. Lebih-lebih lagi permainan itu telah disaksikan oleh semua orang di Baghdad. Sultan yang tidak mahu ketinggalan telah diperdayakan oleh Abu Nawas untuk pergi menyaksikan permainan berkenaan.

Syarat yang ditetapkan oleh Abu Nawas kepada baginda ialah Sultan tidak boleh memakai pakaian diraja dan tidak dibenarkan membawa sebarang pegawai lain. Setelah terperangkap dalam tipu helah Abu Nawas dan jatuh ke tangan orang Badwi, Sultan menawarkan perkhidmatan membuat kopiah kepada tukang masak bubur Badwi yang lebih membawa keuntungan kepada mereka, barulah nyawanya terselamat. Kemudian, melalui satu kopiah istimewa yang Sultan minta orang Badwi menjualnya dengan harga tinggi kepada Laksamana, Sultan telah diselamatkan oleh mesej yang dianyam di atas kopiah yang dijual kepada Laksamana. Akhirnya, semua tukang masak bubur Badwi yang tidak berperikemanusiaan telah dibunuh. Abu Nawas turut diperintah untuk menghadap baginda bagi menerima hukuman kerana telah menganiaya baginda. Namun sekali lagi Abu Nawas terlepas daripada hukuman setelah ia menyedarkan Sultan bahawa sebagai pemerintah, adalah menjadi

tanggungjawab baginda melihat sendiri segala perkara yang berlaku di kawasan pemerintahannya.

Dalam contoh cerita Abu Nawas di atas, seorang Sultan yang agung dan berkuasa mutlak telah diperdayakan oleh seorang rakyat jelata seperti Abu Nawas didapati telah menonjolkan unsur “kemenangan secara tiba-tiba” kepada watak Abu Nawas yang mewakili rakyat. Hal ini berlaku sebagaimana yang dinyatakan oleh Hobbes bahawa punca manusia ketawa disebabkan unsur kemenangan secara tiba-tiba, yang menyebabkan munculnya perasaan superior pada diri seseorang terhadap individu lain (Pollio, 1983: 224). Dalam konteks yang sama, Noriah Mohamed (2007: 268) telah menurunkan plot “Raja” dipertandingkan dan kemudian dibunuh oleh Si Luncai sebagai elemen kemenangan dan superioriti yang menyebabkan pembaca terasa lucu. Kembali kepada cerita Abu Nawas di atas, pembaca yang terdiri daripada rakyat jelata akan berasa dirinya (diwakili oleh Abu Nawas) telah mencapai kemenangan atas satu kuasa yang lebih besar (diwakili oleh watak Sultan), dan merasakan dirinya lebih superior. Dari segi teori, hal ini menjadi punca timbulnya humor dalam cerita jenaka. Unsur superioriti yang sedemikian dapat dikesan dalam banyak cerita rakyat suku dan bangsa yang lain. Cerita kura-kura mengalahkan arnab yang dikenali umum, sebagai contoh, telah menonjolkan unsur superioriti kura-kura yang bergerak dengan perlahan telah mengalahkan arnab, yang secara realiti dapat bergerak jauh lebih laju daripadanya. Motif cerita yang sedemikian turut ditemui dalam cerita binatang Melayu lain seperti “Sang Kancil menipu Buaya”, “Sang Kancil menipu Harimau” dan banyak lagi cerita binatang lain. Penonjolan unsur “yang lemah” mengalahkan “yang kuat” dalam konteks ini dilihat mendatangkan kesan superioriti yang lebih kuat kerana penyampai cerita rakyat terdiri daripada rakyat jelata. Jika cerita rakyat seperti cerita Abu Nawas dan contoh cerita binatang yang dinyatakan menonjolkan “yang lemah” mencapai kemenangan atas “yang lebih kuat” atau “yang lebih berkuasa”; golongan rakyat jelata akan memperoleh rasa superior untuk mentertawakan kekalahan pihak yang lebih kuat atau lebih berkuasa.

Seterusnya dalam *Hikayat Abu Nawas* (HAN), terdapat banyak cerita Abu Nawas yang mengisahkan bagaimana Sultan mengemukakan soalan atau memberikan tugas yang difikirkannya sukar diselesaikan oleh Abu Nawas kerana baginda ingin menghukum Abu Nawas yang telah menipunya. Hal ini dikesan dalam catatan berikut:

Kalakian, ada pun Sultan Harun al-Rashid itu sentiasalah juga menchari akal hendak menguji akan Abu Nawas itu supaya dapat baginda menghukumkan dia; kerana belum-lah lagi hilang malu baginda akan segala perbuatan Abu Nawas kepada-nya (HAN: 56).

Jika diteliti, catatan pencerita seperti di atas telah menonjolkan superioriti Abu Nawas terhadap Sultan, yang secara terus terang menyatakan baginda berasa malu dan ingin membalas dendam terhadap Abu Nawas. Kemudian, Sultan yang gagal membalas dendam dengan helahnya pula akan menambahkan lagi kesan superioriti Abu Nawas. Unsur ini telah digunakan oleh pencerita Abu Nawas dengan berkesan. Dalam siri cerita Abu Nawas disuruh membilang bintang di langit sebagai contoh, Abu Nawas telah membawa sekeping kulit kambing yang berbulu dan memberitahu hadirin di depan Sultan bahawa bilangan bintang di langit adalah sama banyak dengan bulu yang terdapat pada kulit kambing. Jawapan sedemikian menutup mulut semua hadirin, termasuk Sultan sendiri kerana mereka tidak sanggup membilang bilangan bulu yang terdapat pada kulit kambing. Dalam konteks cerita ini, cara Abu Nawas memberikan jawapan melalui perbandingan antara bulu yang terdapat di kulit kambing dengan bintang yang terdapat di langit telah membawa “kemenangan secara tiba-tiba” kepadanya, dan menurut Teori Superioriti akan mencetuskan unsur jenaka dan menyebabkan orang ketawa. Apatah lagi setelah Abu Nawas memperoleh kemenangan atas Sultan, yang dalam konteks siri cerita ini gagal mengalahkan Abu Nawas. Penjelasan yang sama boleh diaplikasikan dalam hampir semua cerita Abu Nawas yang dapat menyelesaikan soalan atau tugas sukar yang diperintah oleh Sultan. Antaranya seperti Abu Nawas disuruh menjahit lompong batu (lesung batu) (*HAN*: 56); Abu Nawas diperintah membawa ibunya yang sudah meninggal dunia ke istana (*HAN*: 37); Abu Nawas diperintah memikul masjid (*HAN*:116) dan banyak lagi cerita Abu Nawas lain dalam kategori ini.

Dalam siri cerita Abu Nawas diperintah oleh Sultan agar menjahit lompong batu sebagai contoh; Abu Nawas meminta baginda menyediakan benang yang diperbuat daripada batu. Apabila Sultan tidak dapat menyediakan benang yang diperbuat daripada batu maka Abu Nawas pun mengatakan ia tidak dapat menjahit lompong batu kerana tiada benangnya. Jika diamati, Abu Nawas telah mengubah helah yang digunakan oleh Sultan terhadap Sultan sendiri. Kebijaksanaan Abu Nawas seperti ini telah memberikan semacam “kemenangan secara tiba-tiba” kepada pembaca atau pendengar cerita justeru menimbulkan unsur kelucuan kepada mereka. Hal yang sama turut berlaku dalam siri cerita Abu Nawas diperintah oleh Sultan untuk memikul masjid. Ketika tiba pada masanya, Abu Nawas menyuruh semua hadirin mengangkat masjid berkenaan untuk dipikulnya, namun tiada sesiapa di situ berdaya berbuat demikian maka sekali lagi Abu Nawas berjaya memutarbelitkan helah yang digunakan oleh Sultan dan menggagalkan rancangan Sultan yang ingin menghukumnya. Kegagalan Sultan yang sedemikian bagaikan menepuk air di dulang, terpercik di muka sendiri telah menambahkan superioriti Abu Nawas. Akibatnya, pendengar atau pembaca cerita berasakan kejadian yang sedemikian lucu.

Antara kategori cerita yang berkait dengan Abu Nawas membantu orang terdiri daripada Abu Nawas membantu saudagar Mesir yang ditipu oleh salah seorang kadi (HAN:13-18); Abu Nawas membantu orang miskin yang teraniaya oleh saudagar kaya yang menawarkan sepuluh dinar bagi sesiapa yang sanggup berendam di dalam kolamnya satu malam (HAN:68-75) dan kisah Abu Nawas mengenakan seorang menteri yang sering melakukan perbuatan jahat (HAN:79-92). Dalam kategori cerita ini, kisah saudagar Mesir yang telah ditipu oleh salah seorang kadi Sultan Harun al-Rashid akan dikupas. Dalam cerita ini, harta seorang saudagar Mesir yang datang ke kota Baghdad untuk berniaga telah ditipu oleh seorang kadi semata-mata kerana saudagar tersebut bermimpi berkahwin dengan anak kadi. Akibatnya, kadi terbabit telah merampas semua hartanya. Setelah kejadian ini sampai kepada pengetahuan Abu Nawas, Abu Nawas telah bertindak dengan memanggil anak-anak muridnya memecahkan rumah kadi. Setelah kadi mengadu perbuatan Abu Nawas kepada Sultan, Abu Nawas telah mengatakan bahawa dia bermimpi merosakkan rumah kadi. Akhirnya perbuatan jahat kadi menipu saudagar Mesir terbongkar lalu kadi tersebut dihukum oleh Sultan.

Setelah diteliti, siri cerita Abu Nawas ini menonjolkan pihak yang lemah (diwakili watak saudagar Mesir) telah dianiaya oleh pihak yang kuat (diwakili kadi yang bertaraf menteri). Dalam prinsip Teori Superioriti, kejayaan Abu Nawas membela saudagar Mesir yang dianiaya dapat dianggap sebagai satu kemenangan yang sekali gus menonjolkan superioriti Abu Nawas. Jika dilihat dari perspektif pembaca pula, superioriti Abu Nawas ialah superioriti manusia biasa yang menggunakan kepintarannya mengalahkan pihak yang lebih berkuasa, iaitu kadi. Kejadian sedemikian menyebabkan orang mentertawakan kadi. Tambahan pula, kepintaran Abu Nawas menggunakan tipu muslihat yang telah digunakan oleh kadi kembali kepada kadi sendiri merupakan suatu unsur yang tidak disangkakan oleh pendengar atau pembaca pada peringkat awal cerita. Pembaca atau pendengar hanya mendapat tahu hal ini pada kemuncak cerita. Unsur ketidaksangkaan ini telah dinyatakan Teori Superioriti bahawa punca manusia ketawa disebabkan terdapatnya unsur *sudden glory*, yang menyebabkan munculnya perasaan superior pada diri seseorang terhadap individu lain. Perbincangan di atas jelas menonjolkan unsur superioriti yang terselit dalam lelucon cerita Abu Nawas versi asal.

Motif kemenangan Abu Nawas terhadap Sultan dan pembesar lain menunjukkan bahawa pencipta cerita Abu Nawas, yang terdiri daripada rakyat jelata dengan secara sedar telah mencipta motif kemenangan bagi pihak rakyat jelata. Kenyataannya, Sultan dan pembesarlah yang menguasai rakyat jelata. Rakyat jelata tidak boleh mengkritik pihak pemerintah, khususnya Sultan dan pembesar diraja. Oleh itu, penciptaan cerita rakyat yang diselitkan dengan kemenangan orang bawahan seperti

Abu Nawas merupakan satu-satunya cara untuk meluahkan perasaan yang terpendam dalam lubuk jiwa rakyat jelata. Dalam konteks cerita Abu Nawas, rakyat jelata mahu menunjukkan bahawa dalam kalangan mereka juga terdapat manusia bijak seperti Abu Nawas. Sultan dan pembesar lain yang acap kali diperhelah dan dikalahkan membuktikan mesej yang ingin disampaikan oleh pencerita Abu Nawas.

SUPERIORITI RAKYAT DALAM CERITA ABU NAWAS VERSI SABAH

Dalam bahagian ini, Teori Superioriti digunakan bagi mengupas cerita Abu Nawas yang disebarkan secara lisan dalam kalangan penduduk peribumi di Sabah. Berbeza dengan cerita Abu Nawas asal yang diterbitkan dalam *HAN* (1966), cerita Abu Nawas versi Sabah yang terkumpul daripada lapangan (Jadual 1) didapati menjurus kepada satu motif utama sahaja, iaitu Raja atau Sultan diperdayakan oleh Abu Nawas. Tidak ditemui cerita Abu Nawas versi Sabah yang menceritakan Sultan menanyakan soalan yang sukar untuk dijawab oleh Abu Nawas atau Sultan memberikan tugas yang sukar untuk diselesaikan oleh Abu Nawas. Begitu juga tidak ditemui cerita Abu Nawas versi Sabah yang mengisahkan Abu Nawas membantu orang yang teraniaya oleh menteri atau kadi. Semua cerita Abu Nawas versi Sabah yang terkumpul setakat ini mempunyai motif yang sama, iaitu “Raja diperhelahkan oleh Abu Nawas” maka memadai sekadar beberapa cerita Abu Nawas versi Sabah dipilih untuk dianalisis dari segi unsur superioriti rakyat yang terkandung di dalamnya.

Dalam cerita Abu Nawas memungut bahan buangan Raja sebagai contoh, diceritakan Abu Nawas orang miskin. Somorong, iaitu informan etnik Kimaragang yang menyampaikan cerita ini menyebut Abu Nawas sebagai “komiskinan” (kemiskinan). Raja pula seorang yang sangat kaya. Oleh sebab itu, Abu Nawas makan dengan daun manakala Raja makan dengan pinggang mangkuk yang mahal. Pada suatu hari Abu Nawas berjumpa dengan Raja dan memberitahunya bahawa adat makan seorang yang kaya selepas makan, pinggan dan mangkuknya tidak perlu dicuci dan disimpan dan tetapi dibuang sahaja. Raja yang berego tinggi ingin menjaga maruahnyanya lalu termakan tipu helah Abu Nawas. Hal ini disebabkan Abu Nawas memberitahunya sebagai seorang miskin, dia juga mampu membuang semua alat makannya. Walhal Abu Nawas makan dengan menggunakan daun sahaja. Maka pada setiap kali Raja membuang pinggan mangkuknya, Abu Nawas pergi memungutnya. Lama-lama Raja telah menjadi miskin dan Abu Nawas pula menjadi kaya.

Cerita Abu Nawas versi Sabah di atas jelas bertentangan antara “yang kaya” dan “yang miskin”. Unsur kemenangan secara tiba-tiba ditemui pada kesudahan ceritanya Abu Nawas telah menjadi kaya dan Raja pula yang menjadi miskin. Menurut Teori Superioriti, kejadian sedemikian menyebabkan pendengar

berasa lucu justeru ketawa. Sebenarnya, pihak yang ditertawakan ialah Raja yang kaya telah kalah di tangan Abu Nawas yang miskin. Perbuatan Raja yang begitu mudah diperdaya dan membuang pinggan mangkuknya merupakan perbuatan tidak bijak yang menimbulkan rasa superior dalam kalangan pendengar, yang terdiri daripada rakyat jelata. Informan yang membekalkan cerita ini turut ketawa walaupun dia sendiri mengetahui kesudahan ceritanya. Kejadian sedemikian berkait dengan psikologi rakyat, yang dalam kenyataan orang kaya dipandang lebih superior daripada orang miskin. Namun, apabila diceritakan orang kaya telah kalah di tangan orang miskin, maka timbullah rasa superior dalam diri rakyat jelata, yang kebanyakannya orang miskin. Hal ini menjelaskan cara Raja ditipu oleh Abu Nawas dalam cerita ini yang menimbulkan unsur humor, dan menyebabkan pendengar tertawa.

Seterusnya, unsur “kemenangan secara tiba-tiba” juga ditemui dalam semua cerita Abu Nawas versi Sabah lain. Dalam cerita Abu Nawas meminjam kerbau Raja, perbuatan Abu Nawas mengembalikan kerbau Raja dengan mengikat kepalanya yang sudah putus di dahan pokok dengan bahagian bawahnya ditanam di tanah merupakan sesuatu yang tidak disangka-sangka yang menimbulkan kelucuan dalam kalangan pendengar. Begitu juga dalam cerita Abu Nawas membuat tandas di hulu sungai manakala Sultan membuat tandas di hilir sungai. Apabila disoal oleh Sultan kenapa dia berbuat demikian maka jawab Abu Nawas, “Apabila Sultan berangkat, rakyat yang mengiring di belakang. Begitu juga apabila Sultan membuang air besar, air besar rakyat yang mengiring di belakang.” Jawapan bijak daripada Abu Nawas seperti ini didapati bukan sahaja menyebabkan Sultan tidak menghukumnya malah didapati mengandungi unsur “kemenangan yang tidak disangka-sangka”. Hal seperti ini menimbulkan rasa superior dalam kalangan pendengar yang terdiri daripada rakyat jelata. Pendengar berasa lucu kerana Sultan yang berkuasa tidak boleh berbuat apa-apa, dan pada masa yang sama, Abu Nawas yang mewakili pihak rakyat jelata telah mengalahkan pihak yang berkuasa.

Cerita Abu Nawas versi Sabah lain yang tersenarai dalam Jadual 2 seperti Abu Nawas Berlaga Ayam dengan Raja, Abu Nawas Beli Tiang, Abu Nawas dapat Buah-buahan dari Kebun Raja, Abu Nawas 1 dan Abu Nawas 2, Abu Nawas Buat *Ajung*, Abu Nawas Menipu Permaisuri Raja, Abu Nawas Menjadi Ayam Jantan dan Abu Nawas Dibuang Negeri turut menonjolkan motif kemenangan Abu Nawas atas pihak yang lebih berkuasa. Kesemua cerita ini mengisahkan bagaimana Abu Nawas menggunakan kebijaksanaannya “mengalahkan” atau “memperdayakan” Raja atau pihak atasan lain. Sekali lagi ditegaskan bahawa atas sebab Abu Nawas mewakili rakyat miskin, maka dilihat dalam tulisan ini bahawa unsur kemenangan seperti ini menimbulkan rasa superior dalam hati rakyat jelata, yang menyebabkan mereka mentertawakan Raja yang telah dikalahkan oleh Abu Nawas.

Seperti pencerita Abu Nawas asal, pencerita peribumi Sabah turut mencipta motif kemenangan Abu Nawas terhadap Raja. Hal ini menunjukkan bahawa pencipta cerita Abu Nawas peribumi Sabah, yang tertarik dengan motif “Sultan dikalahkan oleh Abu Nawas” dalam cerita asal telah mencipta motif kemenangan bagi pihak rakyat jelata dalam cerita Abu Nawasnya. Hal ini juga dilihat sebagai satu-satunya cara yang dapat meluahkan perasaan yang terpendam dalam lubuk jiwa mereka sebagai orang miskin dan rakyat jelata. Dalam konteks ini, didapati penduduk peribumi Sabah turut mahu menunjukkan bahawa dalam kalangan mereka terdapat juga manusia bijak seperti Abu Nawas. Watak Raja yang acap kali dikalahkan oleh Abu Nawas menimbulkan “rasa superior” dalam diri penduduk peribumi Sabah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tulisan ini telah mengupas dua perkara penting yang berkait dengan cerita Abu Nawas asal dan cerita Abu Nawas versi tempatan Sabah. Pertama, dari segi sejarah penyebaran cerita Abu Nawas ke bumi Sabah, didapati pada asalnya cerita Abu Nawas asal telah didedahkan kepada penduduk peribumi Sabah seperti orang Melayu Brunei, Bajau dan Suluk yang beragama Islam. Atas faktor interaksi antara penduduk peribumi Sabah yang berlainan etnik maka cerita Abu Nawas telah disebarkan kepada penduduk peribumi Sabah bukan Islam lain seperti orang Kadazandusun dan Murut. Hal ini menunjukkan bahawa penyebaran cerita Abu Nawas tidak tertutup kepada penduduk yang beragama Islam sahaja. Cerita Abu Nawas diterima umum kerana unsur kejenakaannya yang menarik minat dan menghiburkan pendengar yang berbeza keturunan dan agama.

Semua cerita Abu Nawas asal dan juga cerita Abu Nawas versi Sabah didapati memiliki unsur “kemenangan secara tiba-tiba” dan “rasa superioriti rakyat”. Hal ini ditonjolkan melalui cerita Abu Nawas asal dan cerita Abu Nawas versi Sabah, yang telah memaparkan olok-an Abu Nawas berada pada pihak yang menang manakala Raja berada pada pihak yang kalah. Atas faktor Abu Nawas seorang rakyat jelata, maka kemenangannya atas Sultan atau Raja didapati telah menimbulkan rasa superior dalam hati rakyat jelata. Jika penteor Teori Superioriti telah memberikan contoh situasi kemenangan atas pihak lawan dalam medan perang yang menyerlahkan rasa superior kepada pihak yang menang (Polio, 1983:224) maka makalah ini telah menonjolkan bahawa unsur “kemenangan rakyat” telah diselitkan dalam lelucon cerita Abu Nawas.

RUJUKAN

- Aripin Said, 1996. *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohd Jamil Al Sufri, 1997. *Survival Brunei dari Perspektif Sejarah*. Pusat Sejarah Brunei Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan: Brunei Darussalam.
- Boston, Richard, 1974. *An Anatomy of Laughter*. London: William Collin Sons & Co Ltd Glasgow.
- Emeis, M.G., 1973. *Bunga Rampai Melayu Kuno*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Internet Encyclopedia of Philosophy*. Humor dlm. <http://www.iep.utm.edu/humor/>. [Capaian 12 April 2014].
- Keith-Spiegel, Patricia, 1972. "Early Conceptions of Humor: Varieties and Issues" dlm. Jeffrey H. Goldstein and Paul E. McGhee (edited). *The Psychology of Humor Theoretical Perspectives and Empirical Issues Volume II Applied Studies*. London: Academic Press.
- Mohd Taib Osman, "Hikayat Abu Nawas: MSS 1652 di Pusat Manuskrip Melayu I 39" dlm. *Jurnal Filologi Melayu* Jilid 14: 1-63, 2006.
- Monro, D. H., 1988. "Theories of Humor" dlm. *Writing and Reading Across the Curriculum* 3rd ed.: 349-55. Laurence Behrens and Leonard J. Rosen, eds. Glenview, IL: Scott, Foresman and Company.
- Muller, Gilbert H. and Williams, John A., 1995. *The McGraw-Hill Introduction to Literature*. New York: McGraw-Hill Inc.
- Muzium Sabah, 1992. *Warisan Sabah: Pengenalan Ringkas Sejarah dan Warisan Sabah*. Kota Kinabalu: Muzium Sabah.
- Noriah Mohamed, 2007. "Si Paloi/Palui dan Si Luncai: Pukul Anak Sindir Menantu" dlm. Rogayah A. Hamid dan Wardati Md. Sheriff (peny.). *Tradisi Lisan Manifestasi Cendekiawan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim, 2003. "Gender, Kelas dan Hiraki dalam Cerita-cerita Jenaka Melayu: Pemindahan Dunia Nyata ke dalam Kerangka Olokan". (Kertas Seminar). *Dalam Seminar Jenaka Melayu Nusantara*: 1-15. Anjuran Akademi Pengajian Melayu UM dan DBP. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 21-23 Ogos.
- Pollio, Howard R., 1983. "Notes Toward a Field Theory of Humor" dlm. Paul E. McGhee and Jeffrey H. Goldstein (edited). *Handbook of Humor Research Volume I Basic Issues*: 213-230. United States of America: R.R Donnelley & Sons, Harrisonburg, Virginia.
- Remak, Henry H.H., 1990. "Sastera Bandingan: Takrif dan Fungsi" dlm Newton P.
- Stalknech dan Horst Frenz, *SasteraPerbandingan: Kaedah dan Perspektif*: 1-45. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaiful Bahri Md. Radzi, 2002. "*Malay Humourous Tales: Performance, Corpus of Oral Text and Its Study*". Tesis Ph.D. University of London: School of Oriental and African Studies.
- Wan Shamsuddin, 1966. *Hikayat Abu Nawas*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Winstedt, R.O., “Hikayat Abu Nawas” dlm. *JSBRAS* 81 (9): 15-21, 1920a.

Winstedt, R.O., “The Indian Origin of Malay Folk-tales” dlm. *JSBRAS* 82 (9): 119-126, 1920b.

Wathiqah Amirah Hj. Wasli, 2012. “*Si Paluian: Watak Trisckter dalam Cerita Jenaka Melayu Brunei*”. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Brunei Darussalam: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

LAMPIRAN 1

SENARAI TEKS VERBATIM TERPILIH

Catatan: Berikut disenaraikan salah tiga buah teks verbatim sebagai bukti hasil kerja lapangan.

Teks (1): Abu Nawas Pungut Bahan Buangan Raja [Jadual 2, bil. 1]

Informan: Somorong binti Tawakok
Umur: 80 Tahun
Keturunan: Kimaragang
Pekerjaan: Penanam padi bukit/Penjaja Sayur-sayuran
Tempat: Pekan Tandek, Kota Marudu
Tarikh: 12 Mei 2011

Kalau saya punya tangon itu, nah ada yang anu. Ada yang Raja bilang, sama itu, yang, yang komiskinan bilang itu. Ah ni, nama dia Komiskinan. Raja makan dalam piring, dia makan dalam daun saja. Heh, Raja. Dia anu, Si Abu Nawas datang anu tempat itu si Raja. “Eh”, bilang itu Abu Nawas, “Kenapa kau makan, kalau siap makan, kalau sudah siap makan, buang piring! Kalau kau simpan, bukan kerja kau itu. Macam saya, buang saja.” Bilang Abu Nawas.

Habis, “Ya,” bilang itu Raja. Macam yang Raja, yang macam, yang anu bah, yang ada kekayaan bah, Raja. Ah, makan itu Raja, tiap-tiap hari makan, semua piring dia buang, mau ikut si Abu Nawas. Habis makan, itu periuk pun buang. Itu kualiti pun buang! Satu kali saja guna. Habis, Kalau buang, itu si Abu Nawas pergi di, anu tempat dibuang, ah, dia pungut semua itu barang buang, buang, buang, buang itu.

Eh, tiba-tiba itu Raja jadi miskin, tiada lagi apa-apa. Itu Abu Nawas pula sudah kaya. Nah, begitulah tangon, cerita itu. Raja, bilang orang dulu-dulu, macam orang kampung yang kaya. Ah, Raja orang kayalah. Abu Nawas komiskinan, orang miskin.

Ada lagi itu makan itu piring, dia buang, Si Abu Nawas, dia anu, pungut. Dia ambil. Supaya itu Raja miskin, itu Abu Nawas sudah kaya. Itu kain pun satu kali saja buang. Apa-apa pun buang. Si Abu Nawas pergi ambil. Nah sudah kaya si Abu Nawas, si itu Raja sudah miskin.

Teks (2): Abu Nawas Meneka Telur Jantan atau Betina [Jadual 2, bil. 10]

Informan: Datuk Halun
Umur: 57 Tahun
Keturunan: Suluk
Tempat: Kampung Pangkalan, Kunak
Tarikh: 6 Februari 2012
Pekerjaan: Pesara

Abu Nawas disuruh untuk melihat acara pertandingan meneka telur jantan atau betina. “Manalah kita tahu telur tersebut jantan atau betina?” kata Abu Nawas kepada orang ramai. Akhirnya, Abu Nawas mengikuti pertandingan tersebut dan terjun ke dalam kolam. Sultan bertanya kepada Abu Nawas, “Kenapa kau terjun ke dalam kolam?” Abu Nawas menjawab untuk meneka telur jantan atau betina.

Lima minit berikutnya, Abu Nawas muncul dari kolam dan berkokok seperti ayam jantan. Sultan bertanya, “Mana telur jantan?” Abu Nawas menjawab dengan berkokok sahaja. Maksudnya, dia pegang telur jantan bah.

Teks 3: Abu Nawas Buat Tandas di Hulu Sungai [Jadual 2, Cerita 7]

Informan: Haji Pangeran Abd. Rahman Hj. Pangeran Ali

Umur: 75 Tahun

Pekerjaan: Pesara Kerajaan

Tarikh: 11 November 2012

Tempat: Kampung Padang, Bogawan, Papar

Abu Nawas ni banyak cerita. Banyak siri. Ya, ya, ya, dia bodohkan? Misalnya ya, ya. Ok, ok satu diceritakan satu masa dulu ya. Sultan memerintahkan eh, Sultan membuat tu apa tu tandas. Ah, tandas di dalam sungai. Jadi, orang-orang lain tidak boleh membuat tandas di hulu sungai. Di hulu sungai tu.

Jadi Abu Nawas bila mendengar tu, dia buatlah tandas di hulu sungai. Jadi bila Raja tu buang air, najis dia hanyut ke laut, Abu Nawas pun ikut buang air. Tahi dia mengiringlah. He, he, he, he. Kemudian Raja marah, Raja murka. Raja ni murka. “Siapa yang punya angkara ni?” dia kata. Yang apa yang, yang membuang air di hulu sungai ni?”

“Abu Nawas!” Abu Nawas datang, “Tuanku,” dia kata, “biasanya kalau Tuanku berjalan, siapa yang jalan dulu?” “Sayalah”, dia kata. “Jadi sayalah yang mengiring.” He, he, he, he. Itu salah satu cerita Abu Nawas.